

PENGGUNAAN STRATEGI MEMORI KOSA KATA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA

Noorhidayah Abu Hasim¹
Nik Farhan Mustapha²
Pabiyah Hajimaming @ TokLubok²
Kolej Universiti Islam Melaka¹
Universiti Putra Malaysia²

Abstrak

Strategi memori diyakini ramai pakar bahasa sebagai strategi yang penting dan berpengaruh. Tinjauan literatur juga menunjukkan bahawa strategi ini memainkan peranan yang amat penting dalam pembelajaran bahasa. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti jenis strategi memori yang digunakan oleh pelajar-pelajar di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dalam mengingati kepelbagaian kosa kata Arab. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan kaedah temu bual untuk mendapatkan data, dan seterusnya mengaplikasikan pendekatan deskriptif dalam persembahan dapatan. Responden kajian terdiri daripada 8 orang pelajar KUIM yang dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden telah mengaplikasikan pelbagai jenis strategi memori yang dicadangkan mengikut teori Oxford (1990). Sub strategi “membuat peta semantik” di bawah strategi utama “menggunakan imej dan bunyi” adalah merupakan strategi yang paling kerap digunakan oleh responden kajian dalam mengingati kosa kata Arab berbanding strategi- strategi lain. Hasil kajian dijangka dapat membantu pelajar membaiki pencapaian pembelajaran bahasa Arab mereka.

Kata kunci: Strategi memori, kosa kata Arab, pelajar Kolej Universiti Islam Melaka.

MEMORY STRATEGY IN ARABIC VOCABULARY AMONG KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA STUDENTS

Abstract

Memory strategies are believed as an important and influential strategy. The literature review also shows that this strategy plays a very important role in language learning. Therefore, this study was conducted to identify the types of memory strategies used by students at Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) in remembering the diversity of Arabic vocabulary. This qualitative study used the

interview method to get the data, and applied the descriptive approach in the presentation of the findings. Respondents of this study consisted of 8 KUIM students selected based on purposive sampling method. The findings show that respondents have applied various types of memory strategies proposed by Oxford theory (1990). The "semantic map" sub-strategy under the main strategy of "image and sound application" is the most frequently used by respondents in remembering Arabic vocabulary comparing other strategies. The results of the study are expected to help students to improve their Arabic language learning achievement.

Keywords: *Memory strategy, Arabic vocabulary, Kolej Universiti Islam Melaka students.*

PENGENALAN

Pelbagai penyelidikan mengenai pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing telah dijalankan oleh ramai penyelidik tempatan mahupun antarabangsa. Walaubagaimana pun, bermula pada awal tahun 70-an strategi pembelajaran bahasa mula menjadi fokus utama dalam kajian-kajian mengenai pembelajaran bahasa kedua (Rubin, 1975). Sememangnya kajian-kajian ini telah banyak menyumbang kepada perubahan positif dalam pendekatan pembelajaran bahasa, terutamanya bahasa kedua. Fokus yang pada awalnya tertumpu kepada hasil pembelajaran kini telah beralih kepada cara dan proses pembelajaran itu berlaku. Konsep pemusatan pelajar lebih dianggap penting dan lebih mendapat tumpuan berbanding peranan seorang guru dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Fenomena ini menyebabkan kajian yang berkisarkan tentang strategi pembelajaran bahasa terus-menerus subur dan mendapat sambutan di hati para penyelidik sejak beberapa tahun kebelakangan ini (MacIntyre, 1994).

Rentetan daripada pelbagai kajian yang telah dijalankan oleh para pengkaji bahasa, pelbagai takrifan tentang istilah strategi pembelajaran bahasa juga telah dihasilkan. Rubin (1975) umpamanya telah mentakrifkan strategi pembelajaran bahasa sebagai teknik atau alat yang digunakan oleh pelajar untuk memperoleh sesuatu pengetahuan. Wenden dan Rubin (1987) pula mentakrifkannya sebagai set operasi yang digunakan oleh pelajar untuk memudahkan pemerolehan, penyimpanan, mendapatkan semula dan menggunakan maklumat. Sementara itu Oxford (1990) mentakrifkan strategi pembelajaran bahasa sebagai tindakan tertentu yang diambil oleh pelajar supaya pembelajaran menjadi lebih mudah, lebih cepat, lebih menyeronokkan, lebih bersifat sendiri, lebih berkesan dan lebih mudah disesuaikan dengan suasana baharu.

Strategi pembelajaran bahasa sememangnya menjadi elemen yang sangat penting dalam membantu seseorang pelajar memahami proses pembelajaran bahasa kedua (Kamarul Syukri, 2009). Melalui strategi pembelajaran bahasa, pelajar yang lemah berpeluang memperbaiki tahap pencapaian dan penguasaan mereka terhadap bahasa kedua atau bahasa ketiga mereka kerana strategi ini boleh diajarkan kepada mereka oleh para pendidik. Perlaksanaan strategi pembelajaran bahasa yang tepat

dan berkesan pula semestinya sangat membantu pelajar dalam proses pembelajaran bahasa kedua atau bahasa ketiga mereka.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut (Oxford, 1990) antara strategi utama pembelajaran bahasa yang berperanan besar dalam mempercepatkan dan mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa ialah strategi memori dan kognitif .

Kebanyakan penyelidik berpendapat bahawa strategi memori dan kognitif adalah perkara yang sama. Proses memahami, menyimpan, mendapatkan semula dan menggunakannya adalah proses-proses yang terlibat dalam strategi memori dan juga kognitif (Kamarul Syukri & Mohd Amin, 2009). Walaubagaimanapun, menurut Oxford (1990), strategi memori dan kognitif adalah merupakan dua perkara yang berbeza. Strategi memori adalah teknik-teknik yang digunakan untuk menyimpan, memperoleh semula dan memindahkan maklumat daripada bentuk fakta kepada kemahiran. Manakala strategi kognitif pula digunakan bertujuan untuk memanipulasikan bahasa dan ia membolehkan pelajar memahami dan menghasilkan makna.

Disamping itu, Oxford (1996) juga menegaskan bahawa strategi memori berfungsi dengan cara yang berbeza daripada kebanyakan strategi kognitif dari segi kekerapan penggunaan. Selain itu, strategi memori lebih tertumpu kepada penghafalan dan pengingatan, manakala strategi kognitif pula lebih tertumpu kepada penggunaan bahasa itu sendiri. Pengklasifikasian strategi pembelajaran bahasa oleh Oxford ini adalah lebih komprehensif dan diterima serta digunakan oleh ramai penyelidik dunia.

Dalam konteks pembelajaran bahasa di Malaysia, kajian mengenai penggunaan strategi memori adalah lebih banyak dilakukan dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Maklumat berkaitan kedua- dua strategi ini amat jarang sekali dikongsikan dalam pembelajaran bahasa Arab. Malahan di Kolej Universiti Islam (KUIM) ini juga, kajian seumpamanya masih belum dijalankan oleh mana-mana pengkaji. Justeru, pengkaji terpanggil untuk melakukan kajian mengenai strategi pembelajaran bahasa ini yang memfokuskan kepada strategi memori kosa kata Arab. Kajian ini dijangkakan dapat memperoleh maklumat dan mengetahui pola penggunaan strategi memori kosa kata Arab dalam kalangan pelajar KUIM.

SOROTAN LITERATUR

a) Strategi Pembelajaran Bahasa (SPB)

Rubin (1975) berpandangan bahawa SPB merupakan teknik atau perancangan khusus yang digunakan oleh pelajar untuk memperolehi pengetahuan. Manakala Wanden dan Rubin (1987) memberi definisi SPB sebagai strategi yang menyumbang ke arah perkembangan sistem bahasa yang dibina oleh pelajar dan ia mempengaruhi pembelajaran secara langsung. Sementara itu, O'Malley dan Chamot (1990) berpendapat bahawa SBP sebagai fikiran dan perilaku yang digunakan oleh

seorang individu untuk memahami, mempelajari dan menyimpan maklumat baru. Selain itu, Oxford (1990) mengemukakan definisi yang lebih menyeluruh yang menggambarkan SPB sebagai langkah-langkah atau tindakan khusus yang diambil oleh para pelajar bagi menjadikan proses pembelajaran mereka lebih mudah, lebih cepat, lebih menyenangkan, lebih berbentuk sendiri, lebih efektif dan lebih mudah disesuaikan dengan situasi baharu.

b) Model Strategi Pembelajaran Bahasa

Terdapat beberapa model SPB yang telah diketengahkan oleh para penyelidik dalam lapangan pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing. Walau bagaimanapun, Model SPB Oxford dikatakan sebagai taksonomi yang sangat sofistikated dan paling meluas digunakan (Radha, 1998) serta merupakan satu sistem SPB yang menyeluruh (Kamarul Syukri, 2009). Bertitik tolak daripada ini, sistem Oxford telah dipilih sebagai teras kajian ini untuk meninjau SPB yang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab mereka. Taksonomi Oxford (1990) mengklasifikasikan SPB kepada dua strategi utama, iaitu strategi langsung dan strategi tidak langsung. Terdapat enam kumpulan strategi yang dikelaskan di bawah dua strategi utama tadi. Strategi memori, strategi kognitif dan strategi tampungan diletakkan di bawah kategori strategi langsung. Manakala strategi sosial, strategi afektif dan strategi metakognitif pula berada di bawah strategi tidak langsung. Seterusnya, enam kumpulan strategi ini pula dibahagikan kepada 19 sub-strategi lain yang menerangkan dengan lebih terperinci strategi-strategi utama.

c) Strategi Memori

Strategi memori seringkali menjadi salah satu elemen utama dalam taksonomi SPB sepertimana yang dapat dilihat dalam pengklasifikasian SPB oleh Rubin (1987), O'Malley & Chamot (1990), Oxford (1990), Purpura (1997) dan Macaro (2001). Ini jelas menunjukkan bahawa strategi memori berperanan besar dalam mempercepatkan dan mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa selain berfungsi sebagai antara strategi utama dalam pembelajaran bahasa (Oxford 1990).

Dalam konteks kajian ini, strategi memori di bawah taksonomi yang digariskan oleh Oxford (1990) telah digunakan sebagai asas perbincangan. Di bawah kumpulan strategi memori menurut taksonomi Oxford (1990) ini, terdapat beberapa sub-strategi seperti berikut:

Strategi	Strategi Utama	Sub Strategi
Strategi Memori	Mencipta hubungan mental	Membuat Pengelasan Menghubungkait Meletakkan perkataan dalam konteks
	Menggunakan Imej dan Bunyi	Menggunakan Imejan Membuat Peta Semantik Menggunakan Kata Kunci Menggambarkan Bunyi dalam Ingatan
	Mengulangkaji dengan Baik	Mengulangkaji Secara Berstruktur
	Menggunakan Tindakan/Perbuatan	Menggunakan Tindakan Balas Fizikal Menggunakan Teknik Mekanikal/ Sensasi

d) Kajian-Kajian Lepas Berkaitan SPB Bahasa Arab

Kajian Anida (2003) mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara penggunaan strategi dengan persepsi subjek terhadap Bahasa Arab, serta penggunaan strategi pembelajaran bahasa sangat mempengaruhi pencapaian pelajar dalam Bahasa Arab. Kajian Mohd Amin et al. (1998) pula mendapati pelajar cemerlang bahasa Arab lebih banyak menggunakan strategi secara keseluruhan berbanding pelajar kurang cemerlang. Manakala Kamarul Syukri (2009) menerusi kajian beliau memperlihatkan bahawa pelajar cemerlang bahasa lebih banyak menggunakan SPB secara keseluruhan, diikuti oleh pelajar sederhana bahasa dan pelajar lemah bahasa. Hasil kajian beliau turut menunjukkan strategi memori merupakan kategori SPB yang paling kurang digunakan dalam kalangan pelajar.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang mendapati tiada hubungan signifikan antara penggunaan SPB dengan tahap pencapaian bahasa pelajar seperti kajian Nurazan (2004). Menurut kajian tersebut, penggunaan SPB pelajar secara keseluruhan adalah pada tahap sederhana serta tiada hubungan signifikan antara penggunaan SPB dengan pencapaian Bahasa Arab.

Hasil kajian lepas jelas mempamerkan penekanan yang jitu terhadap SPB secara keseluruhan tanpa memfokuskan terhadap mana-mana strategi khusus termasuklah strategi memori. Justeru, kajian ini akan meninjau dengan lebih

terperinci strategi memori yang dipraktikkan oleh para pelajar dalam mempelajari perbendaharaan kata bahasa Arab. Metodologi kualitatif yang dipilih sebagai medium dalam mengumpul dan menganalisis data dijangka memberi kelainan berbanding kajian-kajian lepas dalam konteks bahasa Arab sebagai bahasa asing.

e) Kajian Berkaitan Strategi Memori di Malaysia

Sememangnya, kajian berkaitan SPB di Malaysia lebih tertumpu kepada bahasa Inggeris (Radha, 1996) dan bahasa Melayu seperti kajian Zamri (2004) dan lain-lain. Begitu juga kajian mengenai strategi memori yang rata-ratanya dilakukan dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Jarang sekali maklumat berkaitan penggunaan strategi memori dalam pembelajaran bahasa Arab dapat dikongsikan. (Kamarul syukri (2009).

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian lepas yang membincangkan mengenai penggunaan strategi ini seperti kajian yang dijalankan oleh Kamarul Syukri & Mohamed Amin (2010). Kajian ini merumuskan bahawa tahap penggunaan strategi memori dalam kalangan pelajar Tingkatan 4 daripada 13 buah Sekolah Menengah Agama di Terengganu adalah rendah. Ini berikutan kurangnya pendedahan pelajar tentang penggunaan strategi memori yang terkini selain kumpulan pelajar tersebut juga kurang menggunakan strategi memori yang bersifat tradisi secara maksimum.

Di samping itu, kajian Zahriah (2011) juga turut membincangkan aspek strategi memori dalam konteks memori jangka panjang dan memori jangka pendek dalam mengingat perbendaharaan kata bahasa Arab mengikut kluster semantik dan kluster bebas. Kajian ini mendapati tiga daripada empat kumpulan strategi yang dicadangkan oleh Oxford dipraktikkan oleh peserta kajian, iaitu mencipta hubungan mental, menggunakan imej dan bunyi serta mengulangkaji dengan baik.

Norhayuza (2005) menerusi kajian beliau turut meninjau tahap penguasaan dan kemahiran mengingat makna perkataan bahasa Arab dalam kalangan pelajar bahasa Arab UiTM kesan daripada penggunaan Strategi Pemetaan Semantik. Dapatan kajian ini mengesahkan kesan positif Strategi Pemetaan Semantik dalam membantu pelajar mengingat kosa kata Arab. Hal ini berikutan terdapat banyaknya ciri dalam Strategi Pemetaan Semantik yang dilihat boleh membantu pelajar mengingat makna perkataan.

Ternyata, kajian-kajian lepas terhadap strategi memori dalam konteks bahasa Arab masih lagi kurang dan ianya wajar dilakukan bagi mengumpul maklumat dan mengetahui pola penggunaan strategi ini.

REKA BENTUK KAJIAN


Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah temu bual telah dipilih sebagai instrumen pengumpulan data. Temu bual yang digunakan dalam kajian ini ialah temu bual berstruktur yang menuntut penyelidik merangka item temu bual terlebih dahulu sebelum sesi temu bual dilaksanakan. Setiap subjek diberikan item temu bual yang sama pada tiap-tiap kali sesi temu bual dijalankan. Dalam konteks

kajian ini, temu bual dilaksanakan secara seorang dengan seorang secara bersemuka di antara pengkaji dan responden. Responden telah ditemu bual untuk tujuan mengenal pasti strategi memori yang digunakan dalam proses mengingat kosa kata Arab yang diberikan sebelum sesi temu bual berlangsung. Responden telah diberi masa selama 15 minit untuk mengingat kosa kata yang diberikan sebelum ditemu bual. Seramai 8 orang pelajar sifar bahasa Arab daripada pelbagai pengkhususan di KUIM telah dipilih sebagai responden kajian. Daripada jumlah keseluruhan responden, 4 orang daripadanya merupakan pelajar lelaki dan 4 orang yang lain merupakan pelajar perempuan. Pemilihan responden daripada jantina yang berbeza dan kepelbagaian pengkhususan adalah bertujuan untuk memperolehi hasil kajian yang variasi dari sudut pandang yang berbeza. Temu bual yang dijalankan ini kemudiannya telah direkodkan dan dianalisis berdasarkan objektif kajian yang telah disasarkan berbanding teori yang dikemukakan oleh Oxford (1990).

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Analisis temu bual mendapati responden kajian telah mengaplikasikan pelbagai jenis strategi memori yang dicadangkan mengikut teori Oxford (1990) yang merangkumi strategi utama “mencipta hubungan mental”, “menggunakan imej dan bunyi”, “mengulangkaji dengan baik” dan “menggunakan tindakan atau perbuatan”. Dapatan ini seiring dengan kajian Moir dan Nation (2008) yang mendapati bahawa menghafal adalah strategi yang paling biasa digunakan oleh sembilan daripada sepuluh peserta kajiannya.

Secara umumnya, kajian ini mendapati penggunaan strategi memori yang diaplikasikan oleh responden dapat dibahagikan kepada tiga jenis sub strategi mengikut kekerapan penggunaan, iaitu strategi “menggunakan imej dan bunyi”, “mencipta hubungan mental”, “menggunakan tindakan atau perbuatan” dan “mengulangkaji dengan baik”. Kedudukan penggunaan strategi memori tersebut dapat dilihat berdasarkan piramid rajah berikut:



Rajah 1: Klasifikasi Strategi Memori Mengikut Kekekapan Penggunaan

Pengkaji juga mendapati ternyata responden lebih kerap menggunakan strategi “membuat peta semantik” yang merupakan sub strategi di bawah strategi utama “menggunakan imej dan bunyi” dalam mengingat kosakata bahasa Arab yang diberikan dalam kajian ini, berbanding dengan strategi lain yang diketengahkan oleh Oxford (1990). Dapatan ini seiring dengan dapatan kajian lepas yang telah dijalankan oleh Kamarul Shukri & Mohamed Amin (2010) yang mendapati bahawa “strategi membuat peta semantik” di bawah strategi utama “menggunakan imej dan bunyi” digunakan pada tahap sederhana oleh responden kajian iaitu seramai 54% responden telah menggunakan strategi ini. Strategi “membuat peta semantik” ini merupakan strategi mengingat kosakata baru dengan membuat gambaran minda tentang situasi di mana kosakata itu sepatutnya digunakan. Responden kajian ini misalnya telah menghubungkan bunyi kosakata "تاج" dengan gambaran minda imej Taj Mahal di India yang merupakan lokasi di mana sepatutnya perkataan itu digunakan untuk memudahkan proses mengingat kosakata tersebut. Melalui pengamatan pengkaji, kelapan-lapan responden kajian telah menggunakan strategi “membuat peta semantik” sebagai strategi mengingat kosakata yang baru ditemui. Dalam konteks penyelidikan bahasa khususnya penyelidikan bahasa Arab, strategi ini bukanlah semata-mata hanya merujuk kepada strategi membuat peta minda untuk mengingat sesuatu kosakata, bahkan membuat gambaran minda tentang situasi di mana kosakata itu sepatutnya digunakan juga termasuk di dalam kategori strategi ini.

Di samping itu, analisis temu bual turut mendapati sub strategi “menggunakan imejan” di bawah strategi utama “menggunakan imej dan bunyi” turut mendapat tempat di hati responden. Kajian mendapati responden telah menghubungkan bunyi kosakata "حقيبة" dengan imej beg yang dipegang oleh rakannya yang dilihat sewaktu bersiar-siar. Teknik menggambarkan imej beg yang dipegang oleh rakan sewaktu bersiar-siar dengan perkataan "حقيبة" adalah strategi “menggunakan imejan” yang telah dipraktikkan. Strategi memori seperti ini diyakini berupaya memudahkan proses mengingat kosakata baru. “Strategi menggambarkan bunyi dalam ingatan” yang juga sub strategi di bawah kategori yang sama turut dipraktikkan oleh pelajar KUIM. Pendekatan yang digunakan adalah menggunakan kaedah rima (bunyi bersajak) untuk mengingat kosakata baru. Responden dilihat mengingat kosakata "هاتف" ‘hatifun’ dengan ‘fon’ iaitu perkataan akhir ‘fon’ menunjukkan makna telefon.

Selain strategi “membuat peta semantik” responden juga didapati telah menggunakan strategi “mencipta hubungan mental” diikuti dengan strategi “menggunakan tindakan atau perbuatan” dan strategi “mengulangkaji dengan baik”. Bagi strategi “mencipta hubungan mental” dapatan menunjukkan pelajar KUIM menggunakan kesemua sub strategi memori di bawah strategi ini yang merangkumi strategi “membuat pengelasan”, “menghubungkait atau menghurai” dan “meletakkan perkataan dalam konteks”. Sub strategi “membuat pengelasan” digunakan oleh responden kajian ini dengan mengelaskan perkataan "حليب"

mengikuti kategorinya iaitu kategori produk tenusu yang menyamai jenama susu yang terdapat di pasaran tempatan iaitu 'Caliph'. Penganalisan temu bual juga turut mendapati bahawa responden sebenarnya telah menggunakan dua jenis sub strategi di bawah strategi ini secara serentak iaitu strategi "membuat pengelasan" dan strategi "menghubungkait". Strategi "menghubungkait" dapat diperhatikan apabila responden mengaitkan atau menghubungkan maklumat yang telah diketahui iaitu jenama susu 'Caliph' dengan kosa kata yang baru ditemukan iaitu "حليب". Selain itu penggunaan sub strategi "menghubungkait" juga dikenal pasti penggunaannya dalam kalangan responden apabila menghubungkait kosa kata Arab yang baru ditemui dengan pengetahuan dan maklumat sedia ada. Hal ini diperhatikan menerusi kenyataan responden yang mengingat kosa kata "كتاب" dengan perkataan Arab yang sedia dimaklumi penggunaannya, iaitu kitab Bahasa Arab dan kitab suci al- Qur'an. Sub strategi "meletakkan perkataan dalam konteks" juga turut dipraktikkan oleh pelajar KUIM dalam mengingat kosa kata Arab. Ciri utama sub strategi ini ialah meletakkan perkataan yang baru ditemui dalam bentuk ayat atau frasa bermakna berdasarkan konteks tertentu. Kajian mendapati pelajar KUIM telah mengaplikasikan sub strategi ini dalam pembelajaran mereka. Ini dibuktikan melalui kenyataan responden yang menyatakan "بيت" rumah. Saya ingat 'ahli bayt'. Maksudnya ahli rumah". Frasa ini menunjukkan bahawa responden cuba berlatih membina ayat menggunakan perkataan baru dengan tujuan memudahkan proses mengingat. Penggunaan kosa kata baru dalam pembentukan ayat ini termasuk di bawah kategori sub strategi "meletakkan perkataan dalam konteks" yang dibincangkan ini.

Bagi strategi "menggunakan tindakan atau perbuatan", kajian terdahulu melaporkan bahawa tahap penggunaan strategi ini adalah rendah. Walaupun begitu, dalam konteks pelajar KUIM kajian mendapati strategi ini wujud penggunaannya oleh responden walaupun segelintir sahaja yang mempraktikkannya. Tindakan melambai tangan sambil mengingat perkaitan lambaian tangan dengan kosa kata Arab iaitu "بيت" merupakan strategi yang dapat membantu responden mengingat kosa kata baru dengan berkesan. Tindakan melambai tangan sebagai simbol untuk meninggalkan rumah sambil mengingat kosa kata Arab "بيت" merujuk kepada strategi "menggunakan tindak balas fizikal dan sensasi" yang telah diaplikasikan.

"Strategi mengulangkaji dengan baik" merupakan strategi memori yang turut digunakan oleh responden kajian ini. Pelajar menggunakan strategi ini dengan cara mengulang- ulang perkataan sehingga tersimpan dalam memori. Data temu bual menunjukkan terdapat responden yang menggunakan set strategi ini untuk mengingat kosa kata baru bahasa Arab. Responden biasanya memilih strategi ini dalam pembelajaran kosa kata apabila tidak menggunakan sebarang strategi lain.

Sememangnya strategi-strategi khusus perlu diadaptasi dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab terutamanya bagi pelajar sifar bahasa Arab yang semestinya berhadapan dengan berjuta perbendaharaan bahasa Arab yang asing bagi mereka. Kajian terdahulu telah membuktikan bahawa pelajar cemerlang bahasa adalah terdiri daripada golongan pelajar yang sering mempraktikkan strategi-strategi pembelajaran bahasa dalam pembelajaran mereka (Kamarul Shukri, Nik Mohd Rahimi, Mohd Amin, Zamri, 2016). Justeru, pelajar-

pelajar di KUIM disarankan menggunakan strategi-strategi memori untuk membantu mereka dalam mempelajari dan menguasai kepelbagaian kosakata bahasa Arab. Pemilihan jenis strategi memori yang betul perlu diambil perhatian dan tidak boleh sama sekali dipandang enteng bagi menjamin keberkesanan strategi yang digunakan. Sudah pasti hanya strategi yang tepat menjamin keoptimuman penguasaan seseorang pelajar terhadap perbendaharaan bahasa Arab yang dipelajarinya.

Di samping itu, kepelbagaian strategi memori yang diketengahkan oleh sarjana Arab boleh diajarkan oleh pihak guru kepada pelajar dalam sesi pembelajaran sebagai usaha untuk membantu penguasaan mereka terhadap kosakata Arab.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Rahman Chik. (1994). *Ma'ayir al-Ta'akkum fi al-AlfĒD fĒ Ta'lim al-Arabiyyah li al-Mujtama'at al-Islamiyyah Fi Janub Sharq Asiyya*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Iskandariyyah: Mesir.
- Akta Pendidikan 1996 (AKTA 550) & Peraturan- Peraturan Terpilih* (1998). Kuala Lumpur: International law Book Services.
- Anida Abdul Rahim. (2003). *Strategi Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan Pelajar Melayu*. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Al Naqah, Mahmud Kamil. (1985). *Ta'lim al Lughah al Arabiyyah li al- Natiqina bi Lught Ukhra: Ususuhu-Madakhiluhu-Turuq Tadrisuhu*, Saudi Arabia: Jami'ah Umm al- Qura.
- Al-Suwairekh, Saleh. (2001). *Vocabulary Learning Strategies Used by AFL (Arabic as a Foreign Language) Learners in Saudi Arabia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti of Leeds: United Kingdom.
- 'Arif Karkhi Abu khudhairi. (1994). *Ta'lim al-Lughah al-A'rabiyyah li Ghairi al-Arab Dirasaat Fi al-Manhaj Wa Turuq al-Tadris*. Kaherah: Dar al-Saqaafah.
- Che Radiah Mezah. (2009). *Kesilapan Leksikal dalam Pembelajaran Bahasa Arab*. Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Edisi ke- 2. Malaysia: Mc Graw Hill Education.
- Harun Baharudin. (2014). *Strategi Pembelajaran Kosakata Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi dan Zamri Mahamod. (2008). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Berdasarkan Tahap Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi*. Proceedings of 3rd International Language Learning Conference, 209–222.

- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Kamarul Shukri Mat Teh, & Mohamed Amin Embi. (2009). Korelasi strategi dengan motivasi dalam pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 24, hh. 109-123.
- Kamarul Shukri Mat Teh, & Mohamed Amin Embi. (2010). Strategi pembelajaran bahasa. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Mohamed Amin Embi, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, & Zamri Mahamod. (2009). Strategi metafizik: Kesenambungan penerokaan domain strategi utama Pembelajaran Bahasa. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 9(2), 1-13.
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi, & Zamri Mahamod. (2008). Hubungan Gender Dengan Strategi Pembelajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama di Terengganu, Malaysia. *Journal of Learning & Instruction*, 5, 117-138.
- MacIntyre, P. D. (1994). Toward a social psychological model of strategy use. *Foreign Language Annals*, 27(2), 185–195.
- Nation, I.S.P. 2008. *Teaching Vocabulary: Strategies and Techniques*. Boston, MA: Heinle.
- Nunan, D. (1999). *Second language teaching and learning*. Massachusetts: Heinle & Heinle Publishers.
- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. New York: Newbury House.
- Rosni bin Samah. 2009. *Isu Pembelajaran Bahasa Arab di Malaysia*. Nilai: USIM.